



prihatin

sentiasa bersama mu

BERITA SPANCO

PROTON PERDANA BAHARU



04

**KEKALKAN
PRESTASI, SERVIS
PROTON PERDANA
BAHARU ANDA
MENGIKUT JADUAL**

08

**LEBIH GAYA,
LEBIH INOVASI,
LEBIH SELAMAT!**

18

**PERCUTIAN
IDAMAN YANG
MENGUJAKAN!
'BEAUTIFUL
MALDIVES'**





prihatin

sentiasa berwarna mu

jilid 1 | Jan - Mac 2014
MENARIK KELUARAN INI

PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Peter Lim

Shaheeran Jalalludin

Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)

No. 2, Jalan Perusahaan 2

Kawasan Perusahaan Batu Caves

68100 Batu Caves.

Tel 03-6192 8888

Faks 03-6192 8999

emel prihatin@spanco.com.my

web www.spanco.com.my

Talian bebas tol 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd

No. 15, Jalan PBS 14/3

Taman Perindustrian

Bukit Serdang

43300 Seri Kembangan.

Tel 03-8941 4013

Faks 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

SEKILAS MINDA

03 SPANCO Terus Memantapkan Integrasi & Memartabatkan Perkhidmatan Di 2014

SERVIS ITU PENTING!

04 Kekalkan Prestasi, Servis Proton Perdana Baharu Anda Mengikut Jadual

YANG PERLU ANDA TAHU

06 Senarai Pusat Tanggungjawab Terkini

08 Lebih Gaya, Lebih Inovasi, Lebih Selamat!

10 Juga Diperhebatkan Dengan Teknologi Automotif Termaju Dan Keselesaan Tambahan

PERSADA INOVASI

12 Proton Perdana Baharu Dikuasakan Oleh Enjin i-VTEC

MERAKAM CATATAN

14 Penyerahan Proton Perdana Baharu Kepada Pegawai-Pegawai Kerajaan Persekutuan

15 Lawatan Tidak Rasmi YB Datuk Dr. Haji Hamim Samuri, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Ke Ibu Pejabat SPANCO

15 Penyampaian Cek Kepada Balu Allahyarham Mat Ariffin Saad, Puan Suzalina Hussain Oleh Pengerusi SPANCO, Mejar Jeneral (B) Dato' Osman Mohd Zain.

INFORMASI SANTAI

16 Dunia Penuh Teknologi Kini Di Mana-Mana

LIBUR DESTINASI

18 Percutian Idaman Yang Mengujakan! 'Beautiful Maldives'

BICARA SIHAT

20 Hipertensi: Pembunuh Senyap Mengancam Rakyat Malaysia

PILIHAN SERVIS ANDA

22 Sabah & Sarawak

23 Pelantikan Baru

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.



SPANCO

TERUS MEMANTAPKAN INTEGRASI & MEMARTABATKAN PERKHIDMATAN DI 2014

SYUKUR ke hadrat Allah S.W.T yang memungkinkan kita melangkah setahun lagi ke 2014 yang pastinya akan menguji kemantapan semangat dan iltizam dalam terus mempertingkatkan usaha untuk melaksanakan agenda 2014 dengan prinsip profesional yang total.

Tahun 2013 kita tinggalkan dengan kejayaan yang memberangsangkan. Penaiktarafan Pusat Servis Wilayah di Batu Caves serta pelaburan di dalam sistem teknologi maklumat berhasil menjangkau sasaran kelancaran khidmat servis kepada pelanggan. Begitu juga penggantian Proton Perdana baharu dan Prevé, berjaya dilaksanakan merangkumi 45% dari saiz keseluruhan fleet. Malah, imej baru

majalah *Prihatin* berserta kandungan ilmiah yang padat, ternyata memberi kepuasan kepada pelanggan hasil dari maklum balas yang diterima.

Cabaran yang menanti di tahun 2014 baru bermula. Fokus untuk mendapatkan lebih banyak maklum balas pelanggan melalui 'Voice of Customer' atau Suara Pelanggan adalah antara agenda penting bagi memantapkan lagi kualiti dan prestasi Syarikat. Begitu juga diharap, penghantaran Proton Perdana baharu dapat dijalankan dengan lebih proaktif pada suku pertama 2014. Dalam terus mempersembahkan yang terbaik, pastinya *Prihatin* 2014 akan disuntik dengan inti pati yang lebih menyeluruh.

Akhir kata, jutaan terima kasih kepada rakan Kementerian dan pelanggan yang terus menyokong dan memberi sepenuh kepercayaan kepada kami. Tidak dilupa, jentera penting SPANCO yang begitu komited dan menjadi tunjang dalam memberikan khidmat terbaik kepada pelanggan kami. Pasti 2014 akan lebih bersemangat. Kita gerakkan sepenuh kekuatan dan keupayaan demi mencapai lonjakan integrasi yang lebih mantap.

DATO' HAMZAH MOHD SALLEH

Ketua Pegawai Eksekutif

KEKALKAN PRESTASI, SERVIS PROTON PERDANA BAHARU ANDA MENGIKUT JADUAL

PENYENGGARAAN KENDERAAN MENGIKUT JADUAL DAN KEPERLUAN AMATLAH PENTING UNTUK MEMASTIKAN KENDERAAN SENTIASA BERADA DALAM KEADAAN YANG BAIK DAN PRESTASI MAKSIMUM. BAGI PROTON PERDANA BAHARU DENGAN PEMANDUAN BIASA, KENDERAAN PERLU DISERVIS **SETIAP TIGA BULAN ATAU 5,000KM YANG MANA TERDAHULU.**

DI SPANCO PENYENGGARAAN YANG DILAKUKAN ADALAH

- Menukar minyak pelincir enjin.
- Mengganti penapis minyak pelincir.
- Melakukan penjajaran dan pengimbangan tayar.
- Melakukan pemeriksaan keselamatan keseluruhan kenderaan.

Dan sememangnya SPANCO mensasarkan penggunaan alat ganti dan minyak yang disyorkan untuk menjamin kesesuaian spesifikasi dan pelaksanaan servis tanpa sebarang masalah.

Bagi menikmati pemanduan yang lancar, servis Proton Perdana baharu

anda mengikut jadual penyenggaraan yang dicadangkan:

SYARAT-SYARAT JAMINAN

- Tempoh jaminan hanya sah sekiranya servis penyenggaraan mengikut jadual berkala dilaksanakan oleh pusat servis SPANCO dan pusat servis cawangan



Bulan	1	3	6	9	12	15	18
Bacaan Odometer (x1,000)	1km	5km	10km	15km	20km	25km	30km

Bulan	21	24	27	30	33	36	39
Bacaan Odometer (x1,000)	35km	40km	45km	50km	55km	60km	65km

Bulan	42	45	48	51	54	57	60
Bacaan Odometer (x1,000)	70km	75km	80km	85km	90km	95km	100km



TEMPOH JAMINAN
HANYA SAH SEKIRANYA SERVIS
PENYENGGARAAN MENGIKUT JADUAL BERKALA
DILAKSANAKAN OLEH PUSAT SERVIS SPANCO
DAN PUSAT SERVIS CAWANGAN YANG DILANTIK
OLEH SPANCO.



• Buku manual servis harus disimpan oleh pemilik kenderaan dan diberikan kepada wakil Servis SPANCO yang sah setiap kali servis dijalankan. Kegagalan melakukan perkara tersebut akan menyebabkan servis yang disediakan tidak dapat dijalankan dan boleh membatalkan jaminan pengeluaran kenderaan. Sila laporkan kepada wakil pengedar untuk mendapatkan buku ganti sekiranya buku ini hilang atau rosak.

TAHUKAH ANDA PENTINGNYA ALAT GANTI TULEN?

MEMASTIKAN PRESTASI KENDERAAN

Penggunaan alat ganti tulen dapat mengoptimumkan prestasi enjin kerana ia direka khas mengikut spesifikasi kejuruteraan tepat dengan peralatan khas daripada pengeluaran kenderaan itu sendiri.

MEMASTIKAN KESELAMATAN ANDA

Alat ganti tulen yang berkualiti tinggi

dan tahan lama dapat menjamin kerosakan yang tidak berulang kepada kenderaan yang sudah diperbaiki dan seterusnya dapat menjamin mutu dan keselamatan anda. Ia juga dapat memastikan ketenangan minda semasa pemanduan.

PENJIMATAN WANG

Sekiranya anda tidak menggunakan alat ganti tulen, anda boleh kehilangan jaminan kenderaan. Kenapa? Ini kerana alat ganti tiruan tidak diuji oleh syarikat pengeluaran kenderaan, oleh itu ia boleh mengakibatkan berlakunya masalah kerosakan. Jadi adalah tidak wajar sekiranya pihak pengeluaran kenderaan perlu bertanggungjawab sekiranya kerosakan adalah disebabkan oleh penggunaan alat ganti tiruan.

yang dilantik oleh SPANCO.

• Rekod-rekod servis perlu disertakan semasa permintaan dibuat bagi pembaikan atau penggantian komponen-komponen dalam masa tempoh jaminan.



PREVÉ DIPERTINGKATKAN

Tahniah! Bermula November 2013, Proton Prevé dipertingkatkan kepada 5-Bintang ANCAP dengan ciri-ciri keselamatan tambahan. Selain beg udara depan dan sisi yang sedia ada, Prevé kini turut dilengkapi dengan **beg udara tirai**.



SENARAI PUSAT TANGGUNGJAWAB TERKINI

MENYEDIAKAN perkhidmatan pengurusan fleet yang cekap lagi lancar tanpa sebarang masalah merupakan matlamat utama Jabatan Khidmat Pelanggan di SPANCO. Susulan beberapa perubahan yang berlaku ke atas barisan Eksekutif Akaun kami, berikut disenaraikan Pusat Tanggungjawab terkini untuk panduan pelanggan.



◀ **ROHANA ABDULLAH**
Pejabat: 03-6192 8928
TB: +6019 276 7669
rohana@spanco.com.my



◀ **SYAMSUL IMRAN
AMINUDDIN**
Pejabat: 03-6192 8925
TB: +6019 322 9070
syamsul@spanco.com.my



◀ **AYMAN TAN ABDULLAH**
Pejabat: 03-6192 8926
TB: +6012 212 5967
aymantan@spanco.com.my



◀ **MOHD AFFENDY ABU
KASSAIM**
Pejabat: 03-6192 8923
TB: +6019 368 9091
fendy@spanco.com.my



◀ **NORAZMI ABD SANI**
Pejabat: 03-6192 8924
TB: +6016 615 2782
norazmi@spanco.com.my



◀ **MOHD FAIZAL REIZA
AMIR SHAH**
Pejabat: 03-6192 8927
TB: +6016 618 7838
reiza@spanco.com.my


Semenanjung Malaysia

		Pegawai yang Bertanggungjawab	
Bil	Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Lama	Baru
1	Kementerian Kesihatan Malaysia	Rohana Abdullah	Rohana Abdullah
2	Kementerian Belia dan Sukan	Rohana Abdullah	
3	Kementerian Sumber Manusia	Rohana Abdullah	
4	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	Rohana Abdullah	
5	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Rohana Abdullah	
6	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	Rohana Abdullah	

Bil	Kementerian/ Jabatan/ Agensi	Pegawai yang Bertanggungjawab	
		Lama	Baru
7	Kementerian Pertahanan	Syamsul Imran Aminuddin	Syamsul Imran Aminuddin
8	Kementerian Kerja Raya	Syamsul Imran Aminuddin	
9	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	Syamsul Imran Aminuddin	
10	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Syamsul Imran Aminuddin	
11	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Syamsul Imran Aminuddin	
12	Kementerian Kewangan	Ayman Tan Abdullah	Ayman Tan Abdullah
13	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	Ayman Tan Abdullah	
14	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	Ayman Tan Abdullah	
15	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	Ayman Tan Abdullah	
16	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	Ayman Tan Abdullah	
17	Kementerian Pendidikan Malaysia	Ayman Tan Abdullah	Mohd Affendy Abu Kassaim
18	Kementerian Wilayah Persekutuan	Ibrahim Arshad	
19	Kementerian Luar Negeri	Syamsul Imran Aminuddin	
20	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	Ibrahim Arshad	
21	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	Ibrahim Arshad	
22	Suruhanjaya Pilihanraya	Ibrahim Arshad	
23	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat	Norazmi Abd Sani	
24	Parlimen Malaysia	Norazmi Abd Sani	
25	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	Norazmi Abd Sani	
26	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	Rohana Abdullah	
27	Jabatan Perdana Menteri	Ibrahim Arshad	Norazmi Abd Sani
28	Jabatan Perdana Menteri (Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang)	Ibrahim Arshad	
29	Istana Negara	Norazmi Abd Sani	
30	Kementerian Dalam Negeri	Mohd Affendy Abu Kassaim	Mohd Faizal Reiza Amir Shah
31	Kementerian Pengangkutan	Mohd Affendy Abu Kassaim	
32	Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan	Norazmi Abd Sani	

Sabah & Sarawak

33	Jabatan Perdana Menteri	Azmi Yusuff	Azmi Yusuff Pengurus Cawangan TB: +6016 884 0119 azmi_yusuff@spanco.com.my
34	Jabatan Perdana Menteri (ESSCOM)	Azmi Yusuff	
35	Kementerian Kewangan	Azmi Yusuff	
36	Kementerian Komunikasi dan Multimedia	Azmi Yusuff	
37	Kementerian Pengangkutan	Azmi Yusuff	
38	Kementerian Sumber Manusia	Azmi Yusuff	
39	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah	Azmi Yusuff	
40	Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak	Azmi Yusuff	



**LEBIH GAYA, LEBIH INOVASI,
LEBIH SELAMAT!**

serlah keunggulan Proton Perdana baharu

INOVATIF DAN LEBIH SELAMAT! ITULAH YANG DAPAT DIGAMBARKAN UNTUK KELUARAN TERBAHARU GENERASI KEDUA PROTON PERDANA. DENGAN KERJASAMA PROTON-HONDA INI, CIRI-CIRI KESELAMATAN UNTUK PEMANDU DAN PENUMPANG DIADAPTASIKAN MELALUI KOMBINASI PELBAGAI SAMA ADA AKTIF MAHUPUN PASIF.

DENGAN enjin dua versi iaitu 2.0 dan 2.4 liter, Proton Perdana baharu ini akan digunakan oleh kakitangan awam sebagai kereta rasmi jawatan, menggantikan Proton Perdana Standard dan Executive.

Antara ciri-ciri keselamatan:

- i-SRS
- G-CON
- Tali pinggang keledar pra-penegang
- VSA
- OPDS

BEG UDARA I-SRS

Menggunakan empat beg udara iaitu gandingan dua di hadapan dan dua di sisi, sistem beg udara i-SRS menggandingkan struktur kelim bentuk lingkar dan injap kawalan pelepasan gas bagi mengawal pengembangan beg melalui tekanan udara yang lebih cepat tetapi serata. Ini akan mengurangkan impak serta meningkatkan tempoh kembung beg dan had perlindungan penumpang.




**TAHUKAH
ANDA?**



Ciri keselamatan aktif direka untuk mengelakkan kemalangan dari berlaku. Ianya aktif sebaik sahaja kenderaan mula bergerak dan akan bertindak apabila perlu untuk mengelakkan pelanggaran. Contoh seperti sistem brek anti-kunci, sistem kawalan cengkaman dan VSA.




Ciri keselamatan pasif pula dibina dalam struktur kenderaan untuk melindungi pemandu dan penumpang sekiranya berlaku kemalangan. Contoh: Cermin hadapan berlamina yang tidak bertaburan jika pecah; kaca terbaja yang walaupun pecah berderai tetapi tidak menjadi butiran yang tajam; zon remuk yang merupakan panel keluli dalam badan kereta, direka untuk menyerap tenaga hentakan selain i-SRS, G-CON dan OPDS.



SISTEM BANTUAN KESTABILAN KENDERAAN (VSA)

Sistem utama ini membantu pemandu menangani situasi berbahaya sama ada ia disebabkan keadaan jalan raya, trafik mahupun cuaca.



SISTEM KAWALAN DAYA-G (G-CON)

Ia adalah sistem yang menyuraukan daya hentakan ekstrem yang dijana ketika pelanggaran kepada kerangka kereta yang direka khas untuk menyerap hentakan. Melalui sistem keselamatan aktif ini pemandu dan penumpang boleh dihindarkan dari mengalami kecederaan ketika kemalangan.

TALI PINGGANG KELEDAR

Tali pinggang keledar dicipta dengan sistem penegangan automatik, bertindak mengurangkan hentakan yang dialami di bahagian dada dan pinggang semasa berlakunya kemalangan mahupun ketika membrek secara mengejut.

SISTEM PENGESANAN KEDUDUKAN PENUMPANG (OPDS)

Sekiranya terdapat impak perlahan hingga kuat, beg udara sisi akan membantu melindungi pemandu dan penumpang hadapan. Dengan bantuan OPDS, sensor pada sandaran kerusi penumpang hadapan akan mengesan ketinggian dan kedudukan penumpang. Sekiranya kanak-kanak atau dewasa bertubuh kecil menghalang laluan pengembangan beg udara sisi, sensor akan menyahaktifkannya.



JUGA DIPERHEBATKAN DENGAN TEKNOLOGI AUTOMOTIF TERMAJU DAN KESELESAAN TAMBAHAN



KAWALAN JAUH UNTUK TINGKAP KUASA

Sistem yang menggunakan kawalan jauh untuk menurunkan kesemua tingkap berkuasa. Ianya sangat membantu terutama semasa cuaca panas terik dan anda perlu menurunkan tingkap dari jauh supaya haba di dalam kabin dapat dikurangkan.



**Cermin sisi
berkuasa
berserta lampu
penanda arah.**



**Saluran
penyaman
udara
kabin
belakang.**



**Pengesan undur
4-penjur.**



**Konsol tengah
dengan soket
aksesori
dan USB.**

**Kawalan
jauh untuk
pembuka
but.**



**Kerusi pemandu
berkuasa 8-arah.**

*Kerusi penumpang hadapan
berkuasa 4-arah didapati
pada 2.4L Executive.*

**Kerusi
belakang
yang
boleh
dilipat.**



PROTON PERDANA BAHARU DIKUASAKAN OLEH ENJIN i-VTEC

MELUASKAN kuasa automotifnya, Proton telah bekerjasama dengan Honda dalam menggunakan enjin i-VTEC generasi ke-8 Honda Accord 2.0 liter dan 2.4 liter pada Proton Perdana baharunya.

Enjin **2.0 liter R-series SOHC i-VTEC** mula diperkenalkan di Malaysia melalui Honda CR-V sementara siri R pula melalui Civic 1.8S.

Penggunaan kepala silinder SOHC adalah kerana ia merupakan keseimbangan terbaik untuk tenaga dan penjimatan bahan api. Enjin 2.0 liter menghasilkan 154 kuasa kuda pada 6,300rpm dan tork 189Nm pada 4,300rpm. Digabungkan dengan transmisi 5 kelajuan automatik dengan nisbah pemacu berganda untuk penjimatan petrol.



Manakala enjin **K24 2.4 liter DOHC i-VTEC**, dipertingkatkan bagi menghasilkan 180PS, atau 178 kuasa kuda pada 6,500rpm. Puncak tork adalah 222Nm pada 4,300rpm, dengan 180Nm dijana dari 1,600rpm dan 200Nm dari 2000rpm.

Enjin 2.4 liter dikatakan lebih berkuasa dan menawarkan 8% penjimatan bahan api sementara 2.0 liter pula adalah 7%. Ia turut digabungkan dengan 5 kelajuan automatik.

**PENJIMATAN
BAHAN API**

8% enjin
2.4 liter
7% enjin
2.0 liter

	<p>2.0 liter SOHC i-VTEC</p> <p>154hp @ 6,300rpm 189Nm @ 4,300rpm</p>	<p>2.4 liter DOHC i-VTEC</p> <p>178hp @ 6,500rpm 222Nm @ 4,300rpm</p>
--	--	--

ENJIN i-VTEC LEBIH KUASA DAN MENJIMATKAN PETROL




VTEC (Variable Valve Timing and Lift Electronic Control) adalah sistem pemasaan injap boleh laras yang diperkenalkan Honda untuk meningkatkan kecekapan isipadu enjin. Ia adalah sistem pemasaan injap boleh laras komersial pertama digunakan dalam industri automotif.

Sistem VTEC bertindak mengawal injap untuk mengoptimalkan prestasi pada semua kelajuan enjin; saiz pembukaan injap dibuka kecil pada kelajuan rendah dan lebih luas apabila kelajuan bertambah.


Honda i-VTEC (intelligent-VTEC) mempunyai VTC (variable timing control) yang mengubah pemasaan aci sesondol secara berterusan dalam pengambilan angin ke dalam enjin VTEC.

Atau ringkasnya,



Enjin i-VTEC juga menghasilkan kuasa yang lebih tinggi dan menggunakan bahan api yang lebih rendah berbanding enjin biasa dengan saiz yang serupa.


PERBEZAAN PEMBUKAAN INJAP ANTARA KELAJUAN ENJIN TINGGI DAN RENDAH



Kelajuan enjin rendah: injap dibuka kecil untuk penggunaan bahan api yang rendah.

Kelajuan enjin tinggi: injap dibuka luas untuk kuasa maksimum.

CONTOH PRESTASI i-VTEC YANG BERKUASA NAMUN MENJIMATKAN KOS BAHAN API



PENYERAHAN PROTON PERDANA BAHARU KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN PERSEKUTUAN

SPANCO telah menyerahkan Proton Perdana baharu kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan Persekutuan bermula Januari 2014. Dijangka 400 unit akan diedarkan secara berperingkat dalam masa tiga bulan berikutnya. Ia berikutan pelancarannya yang dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak pada 11 Disember 2013.



Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar bersama kenderaan rasminya.



Penyerahan Proton Perdana baharu kepada Menteri Pertahanan merangkap Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (kanan) oleh Ketua Pegawai Eksekutif SPANCO, Dato' Hamzah Mohd Salleh.



YB Datuk Halimah Mohd Sadique, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama Proton Perdana baharunya.



Penyampaian kenderaan rasmi Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Mohamed Nazri Tan Sri Abdul Aziz (kanan) oleh Ketua Pegawai Operasi SPANCO En. Azman Idris.



Ketua Setiausaha Kerajaan Malaysia, YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa (kanan) meherima kunci Proton Perdana baharu daripada Dato' Hamzah.



Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Azizah Mohd Dun menerima kunci kereta rasmi daripada Dato' Hamzah.



Ketua Pengarah Kastam, YBhg Dato' Seri Khazali Haji Ahmad (dua dari kiri) bersama kereta rasminya.



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Hajah Rohani Haji Abdul Karim (empat dari kiri) bergambar bersama YB Dato' Azizah, Dato' Hamzah dan En. Azman semasa majlis penyerahan.



Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) Kementerian Kewangan YBhg Datuk Nozirah Bahari bersama kereta baharunya.



Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, YBhg Tan Sri Mahmood Adam (kanan) menerima kunci daripada Pengurus Perkhidmatan Pengurusan Pelanggan SPANCO, Shaheeran Jalalludin.



YB Datuk Hajah Rohani tersenyum gembira menerima kunci daripada Dato' Hamzah.



Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Dato' Seri Palanivel a/l K. Govindasamy (tengah) bersama Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, YBhg Datuk Zool Azha Yusof (kiri) dan En. Azman.

LAWATAN TIDAK RASMI YB DATUK DR. HAJI HAMIM SAMURI, TIMBALAN MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI KE IBU PEJABAT SPANCO



PENYAMPAIAN CEK KEPADA BALU ALLAHYARHAM MAT ARIFFIN SAAD, PUAN SUZALINA HUSSAIN OLEH PENERUSI SPANCO, MEJAR JENERAL (B) DATO' OSMAN MOHD ZAIN



GOPRO KAMERA

➔ Abadikan detik istimewa atau aksi-aksi ekstrem anda dengan kamera peribadi berdefinisi tinggi ini. GoPro merupakan jenama kamera yang selalu digunakan dalam penggambaran video ekstrem. Ringan dan mudah dibawa membolehkan ia digunakan untuk aktiviti lasak seperti mendaki gunung, sukan ekstrem atau di dalam kapal terbang, kereta dan bot.



DUNIA PENUH TEKNOLOGI KINI DI MANA-MANA

PERAKAM VIDEO UNTUK KERETA

➔ Rakam setiap detik perjalanan di dalam kenderaan dengan perakam video berdefinisi tinggi untuk kereta. Mempunyai kanta sudut yang sangat luas, perakam video ini lengkap dengan pengesan inframerah (bagi rakaman waktu malam) untuk merekodkan segalanya di dalam medan penglihatan pemandu. Malah, sekiranya berlaku kemalangan, segalanya dapat dirakam!



ADAPTER AV KE HDTV 'SCREEN CAST' AV 4 TANPA WAYAR

➡ Kini anda dapat menyambung peralatan 'home theatre' ke televisyen berdefinisi tinggi anda tanpa perlu menggunakan sebarang kabel yang menyerabutkan. Sambungkan sehingga empat peranti HDMI AV seperti pemain Blu-ray atau alat permainan video, segalanya tanpa wayar! Adapter wayarles ini adalah satu cara hebat mencipta persekitaran rapi dan elegan tanpa perlu menebuk lubang kabel pada dinding. Anda juga boleh memasangnya sendiri dengan mudah tanpa memerlukan khidmat profesional. Ia sesuai untuk HDTV yang dipasang pada dinding (wall mounted) dan membenarkan anda menyimpan peralatan sistem hiburan anda secara berasingan hingga 100 kaki jauh, walau di bilik lain.



LENOVO YOGA TABLET 10 DENGAN PAPAN KECUNCI BLUETOOTH

➡ Pegang, Condong dan Tegak! Yoga Tablet 10 ringan dan begitu selesa berada di tapak tangan anda. Dengan skrin 10.1 inci HD memaparkan visual berdefinisi tinggi yang jelas lagi tajam. Boleh ditegak atau dicondongkan mengikut kesesuaian mood dan anda bersedia untuk membaca, melayari internet, bermain 'game', menonton video, mendengar muzik atau video-chat. Nah, anda boleh terus melakukan aktiviti di atas tanpa gangguan kehabisan bateri kerana ianya tahan sehingga 18 jam! Satu lagi cara hebat untuk beriadah.



PERCUTIAN IDAMAN YANG MENGUJAKAN! 'Beautiful Maldives'

Tiada yang lebih indah apabila berada di pantai putih bersih ditemani kicauan burung, tubuh ditiup angin nyaman dan pandangan tidak lepas pada kebiruan air laut sambil desiran ombak kecil berlagu di telinga. Satu percutian yang sangat mendambakan dan Maldives adalah pilihan destinasi yang sangat tepat dan pastinya merealisasikan anganmu.

Lautan cahaya bintang menerangi persisiran laut di Maldives. Jutaan kilauan fitoplankton yang menakjubkan merupakan organisma halus seakan kelip-kelip yang akan mengeluarkan cahaya apabila dilambung ombak atau kocakan air.





Pemandangan mendamaikan antara 100 resort pilihan di Maldives.



Hidupan laut yang mempesonakan antara tarikan utama dasar lautnya.



Kebiruan air laut pasti menggamit perasaan setiap insan yang berkunjung ke sini.



Tenang dan cukup romantis bagi pasangan berbulan madu.



Snorkeling antara aktiviti wajib di Maldives.

MALDIVES adalah antara kepulauan dengan pantai yang terbaik di dunia. Bukan hanya terkenal dengan keindahan alam semula jadi tropika yang menakjubkan, malah laut biru yang tenang, pantai berpasir putih bersih disertai udara segar dan suhu nyaman serta hidupan laut yang mempesonakan, menjadikan Maldives antara pilihan percutian yang menakjubkan dan terbaik di dunia.

Terletak di Lautan Hindi kira-kira 700km di barat daya Sri Lanka dan 400km di barat daya India, Maldives dikelilingi pulau-pulau yang begitu sempurna menjadikan ia amat sesuai dengan aktiviti seperti renang, memancing, menyelam skuba, snorkeling, luncur angin dan menaikkan layang-layang. Pemandangan yang luar biasa di bawah laut serta air yang bersih menjadikan Maldives antara destinasi dunia yang terbaik untuk rekreasi menyelam.

Air lautnya yang jernih serta kaya dengan keindahan terumbu karang yang unik di dasar laut merupakan penarik untuk peminat laut dalam menikmati kehidupan laut yang mempesonakan. Kemewahan dan kepelbagaian hidupan laut seperti 'baby sharks' boleh ditemui di mana-mana lagun di sini.

Manakala keindahan terumbu karang, gua laut yang menakjubkan dan ikan-ikan tropika berwarna-warni sedia nanti anda apabila melakukan aktiviti menyelam. Pari kola, penyu, jerung yang jinak malah ikan paus juga boleh dilihat dan yang lebih menakjubkan, kesemua hidupan ini tidak membahayakan. Tidak hairanlah jika kepulauan Maldives menjadi destinasi pelancongan kepada jutaan pelancong setiap tahun.

Mencari tempat penginapan di sini bukanlah sesuatu yang sukar kerana setiap resort di Maldives dimiliki oleh pulau-pulau persendirian dan mempunyai

lebih 100 resort untuk dipilih. Begitu juga hotel-hotel mewah yang lengkap dengan kolam dan spa yang sememangnya tepat untuk pasangan berbulan madu dan mereka yang inginkan percutian ala tropika.

Anda juga boleh menikmati makanan laut yang segar dan lazat sambil menghirup keenakan air kelapa muda di setiap restoran yang terdapat di kepulauan ini. Tidak lengkap rasanya jika tidak mendapatkan barangan tempatan buatan masyarakat Maldives apabila singgah di mana-mana kedai yang menjual barangan cenderahati untuk dibawa pulang sebagai kenangan. Selain pakaian, pelbagai barangan kraf yang unik seperti perhiasan rumah, barang kemas buatan tangan dan lukisan yang indah turut dijual di sini.

Maldives yang mengujakan! Satu pengalaman percutian idaman yang pasti tidak akan anda lupakan.



HIPERTENSI

PEMBUNUH SENYAP MENGANCAM RAKYAT MALAYSIA

Hipertensi atau tekanan darah tinggi adalah penyakit kronik yang kekal sebagai risiko utama bagi penyakit jantung dan merupakan ancaman paling umum di kalangan rakyat Malaysia. Risiko serangan jantung, kegagalan jantung, kerosakan buah pinggang dan strok amatlah tinggi.

TEKANAN darah melibatkan dua ukuran, sistolik dan diastolik, bergantung sama ada otot jantung mengecut (sistole) atau berehat di antara denyut (diastole). Tekanan darah normal pada saat sihat adalah dalam bacaan julat sistolik (bacaan atas) 100-140mmHg dan diastolik (bacaan bawah) 60-90mmHg. Tekanan darah tinggi terjadi bila bacaan terus menerus berada pada 140/90 mmHg atau lebih.

Di seluruh dunia, dianggarkan 972 juta orang mengidap hipertensi. Jumlah ini dijangka meningkat kepada 1.5 bilion menjelang 2025. Perangkaan ini bersamaan dengan nisbah kira-kira seorang bagi setiap tiga orang dewasa berusia lebih 20 tahun. Menurut Dr. Azani Mohamed Daud, Pakar Runding Kardiologi, berasaskan data terkini, sekurang-kurangnya 42 peratus golongan dewasa di Malaysia yang berusia 30 tahun mengalami hipertensi.



8%

Hanya lapan peratus daripada 4.8 juta rakyat Malaysia yang menghidap penyakit ini dapat mengawal tekanan darah mereka.

► SIMPTOM ATAU GEJALA HIPERTENSI

- Sakit kepala biasanya sewaktu bangun pagi
- Bingung
- Bising (bunyi 'nging') di telinga
- Denyutan jantung tidak normal
- Penglihatan kabur
- Kelesuan
- Loya dan muntah
- Sukar bernafas
- Darah dalam air kencing

Hipertensi yang merosakkan salur darah boleh membawa kepada komplikasi termasuk:

Strok: Kehilangan fungsi otak kerana gangguan bekalan darah ke otak akibat salur darah tersumbat atau pecah.

Penyakit Jantung: Kegagalan jantung (kekurangan darah yang dipam jantung), penyakit jantung iskemik (kekurangan darah ke tisu jantung) dan pembengkakan jantung.

Serangan Jantung: Apabila bekalan darah ke jantung tersekat.

Kegagalan Buah Pinggang: Hipertensi mengakibatkan kerosakan pada salur darah dan penyaring dalam buah pinggang hingga menyebabkan pengumpulan toksik dalam tubuh.

Masalah Penglihatan: Hipertensi merosakkan salur darah kecil di retina akibat tekanan berlebihan di mata.



► FAKTOR RISIKO

- Merokok
- Berat badan berlebihan
- Kurang melakukan aktiviti fizikal seperti bersenam
- Pengambilan garam berlebihan
- Pengambilan alkohol berlebihan
- Stres / Tekanan



- Faktor usia tua
- Sejarah keluarga yang mempunyai penyakit darah tinggi
- Penyakit buah pinggang kronik
- Gangguan adrenal dan tiroid



CARA MENCEGAH DAN MENGURANGKAN RISIKO HIPERTENSI

JALANI GAYA HIDUP YANG LEBIH SIHAT SEPERTI: berhenti merokok, kurangkan berat badan (jika gemuk), amalkan pemakanan sihat dan seimbang, kurangkan pengambilan garam, melakukan senaman 30-45 minit sehari.

DENGAN BANTUAN UBATAN: dapatkan nasihat doktor dan anda mungkin perlu mengambil ubat anti-hipertensi yang berfungsi mengurangkan isipadu darah (diuretic), menekan resistensi pembuluh darah (vasodilator) dan mengurangi kerja jantung (cardioinhibitory).

LAKUKAN PEMERIKSAAN berkala setiap tiga bulan.



PILIHAN SERVIS ANDA

Simbol



Cawangan Proton Edar,
atau Wakil Servis Sah
Proton Edar



Khidmat
Tunda



Pembaikan
Kemalangan



Mekanikal



Bateri



Tayar



Hawa
Dingin



Tayar &
Bateri

SABAH - KOTA BUMI SDN BHD



WAKIL SERVIS SAH PROTON EDAR KOTA BUMI SDN BHD



LOT 162, LOK KAWI INDUSTRIAL
ESTATE, KM 18, LOK KAWI
88820 KOTA KINABALU
SABAH
TEL: 088-751 172
FAKS: 088-751 300

JURUTEKNIK: 8 ORANG
PETAK SERVIS: 8
HOIST: 8

SARAWAK - ABC MOTOR GARAGE CO.



ABC MOTOR GARAGE CO.



No. 29 BATU KAWA LIGHT INDUSTRIAL
PARK, JALAN BATU KAWA
93250 KUCHING, SARAWAK
TEL: 082-683 611 / 016-858 5181
FAKS: 082-683 611

JURUTEKNIK: 8 ORANG
PETAK SERVIS: 4
HOIST: 4

*Sila layari www.spanco.com.my untuk senarai lengkap Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

SABAH - PUSAT SERVIS DAN ALAT GANTI PROTON EDAR - KOTA KINABALU



**PUSAT SERVIS DAN
ALAT GANTI
PROTON EDAR**



MILE 5 1/2 JALAN TUARAN
INANAM
88806 KOTA KINABALU, SABAH
T: 088-431 735
F: 088-420 117

JURUTEKNIK: 9 ORANG
PETAK SERVIS: 20
HOIST: 18

PELANTIKAN BARU - PERKHIDMATAN TAYAR IRAMAN



**PERKHIDMATAN TAYAR
IRAMAN**



NO 1260
KAMPUNG PADANG MIDIN
21400 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU
T: 09-622 6432
F: 09-622 6432

JURUTEKNIK: 5 ORANG
PETAK SERVIS: 5
HOIST: 2



**Janganlah membahayakan
nyawa anda dan orang lain.
Sentiasa gunakan
tali keledar di belakang.**



**Gunakan Tali Keledar Di Belakang.
Anda Mampu Mengubahnya.**

Bila berlaku kemalangan pada kelajuan 50km/j, penumpang belakang seberat 60kg boleh menghentam tempat duduk hadapan dengan kesan impak sebanyak 2.4 tan. Impaknya serupa seperti dihempap oleh seekor gajah. Sudah tentu ia boleh membunuh. Jadi jika anda rasakan tali keledar belakang cuma perhiasan, cuba bayangkan apa yang mungkin berlaku sekiranya anda tidak menggunakannya. Ada sebabnya mereka di hadapan memakai tali keledar. Anda di belakang juga patut berbuat demikian.

Layari www.jkjr.gov.my untuk mengetahui lebih lanjut.